

Mahasiswa seronok tabur bakti di Semporna

UM 29.11.2011 30

SEMPORNA 28 Nov. - Peluang menabur bakti di kawasan pedalaman merupakan satu pengalaman yang mengujakan buat 48 pelajar dari tiga universiti tempatan iaitu Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di sini, baru-baru ini.

Pengalaman tinggal dan bekerjasama dengan penduduk di Pulau Mabul, Pulau Bum-Bum dan Kampung Pokas, dekat sini memberi pengalaman berharga yang sukar dilupakan oleh mereka.

Bagi mahasiswa UPNM, **Fadliyansah Saipul**, 21, pengalaman selama empat hari membina unjang ikan yang dinamakan 'payao' bersama kumpulan nelayan di Pulau Mabul dianggap kenangan terindah kerana dapat bersama ma-

syarakat nelayan di situ.

Katanya, selain bekerjasama dengan penduduk setempat, dia juga berpeluang mendalamai cara hidup dan budaya masyarakat Bajau Laut di pulau itu.

"Ia merupakan pengalaman yang cukup mengujakan saya dan rakan-rakan. Ini merupakan pengalaman terindah kami kerana dapat merasai sendiri kehidupan di perkampungan nelayan dan berharap dapat berbakti lagi pada masa depan," katanya yang ditemui di sini, baru-baru ini.

Sementara itu, pelajar Kejuruteraan Pertahanan UPNM, **Wan Azizul Faiz Zulkifli**, 21, berkata, segala ilmu pengetahuan yang diperoleh dalam bilik kuliah dapat dipraktikkan dan dikongsi bersama dengan masyarakat setempat.

Katanya, meskipun penduduk

di Pulau Mabul sememangnya terkenal dengan kepakaran menangkap ikan, namun kajian terkini yang dilakukan oleh pihak universiti boleh dikongsi bersama dalam menambah pendapatan sehari-hari mereka.

"Kami bukan sahaja dapat mencurahkan ilmu pengetahuan yang dimiliki kepada masyarakat setempat, malah kami juga menimba pengalaman baru daripada nelayan yang mempunyai pelbagai pengalaman berharga di laut," ka-

tanya.

Sementara itu, mahasiswi Diploma Kejururawatan UMS, **Siti Norshawati Saidol** berkata, kesempatan memberi khidmat periksaan kesihatan kepada masyarakat di Kampung Pokas, dekat sini adalah pengalaman istimewa dan sukar dilupakan.

Kata gadis tersebut, dia bukan sahaja dapat memeriksa kesihatan penduduk kampung itu, malah berpeluang memeriksa salah seorang pemimpin ternama di Sabah

iaitu Menteri di Jabatan Ketua Menteri, Datuk Seri Nasir Tun Sakaran.

"Ia cukup bermakna buat saya dan rakan-rakan kerana dapat berbakti di sini dan kehadiran kami juga sangat dialu-alukan. Pastinya pengalaman di sini akan terus terpahat sebagai kenangan paling istimewa di Semporna," katanya.

PESERTA Maskum dari UPNM, UNIMAS dan UMS menggunakan bot nelayan untuk menunda dan membawa dua buah payao atau unjam laut dalam bagi upacara pelepasan di kawasan Pulau Mabul, Semporna, baru-baru ini.



FADHLIYANSAH



WAN AZIZUL



SITI NORSHAWATI